



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELOUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
FEBRUARI 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.1 peratus pada Februari 2024, didorong momentum positif dalam kesemua sektor

PUTRAJAYA, 8 April 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.1 peratus tahun ke tahun pada Februari 2024, didorong oleh momentum positif dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Februari 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “IPP meningkat sederhana iaitu sebanyak 3.1 peratus pada Februari 2024 selepas mencatatkan peningkatan 4.3 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan sederhana ini terutamanya berikutan pertumbuhan output yang lebih perlahan dalam sektor Pembuatan yang menokok 1.2 peratus berbanding 3.7 peratus pada Januari 2024. Namun begitu, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing terus berkembang 8.1 peratus (Januari 2024: 5.0%) dan 10.9 peratus (Januari 2024: 8.3%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP menurun 6.3 peratus, berbanding positif 2.0 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Peningkatan 1.2 peratus dalam output sektor Pembuatan pada Februari 2024 disokong oleh industri berorientasikan domestik yang berkembang sebanyak 3.8 peratus (Januari 2024: 8.0%). Pengembangan dalam industri berorientasikan domestik dipacu terutamanya oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan yang mencatatkan peningkatan 8.4 peratus; diikuti oleh Pembuatan produk galian bukan logam lain (5.1%); dan Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler pada 2.9 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik kembali merosot kepada negatif 7.5 peratus berbanding peningkatan 4.9 peratus pada Januari 2024.

Sementara itu, industri berorientasikan eksport kembali kepada jajaran negatif dengan penurunan kecil 0.1 peratus pada Februari 2024 berbanding pertumbuhan positif 1.6 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Penyusutan tersebut terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada

sayuran & haiwan (-13.5%); Pembuatan kimia & produk kimia (-2.8%); dan Pembuatan kelengkapan elektrik (-2.2%). Ini adalah selari dengan prestasi eksport negara yang mencatatkan penurunan iaitu negatif 0.8 peratus pada Februari 2024 selepas mengalami pertumbuhan positif pada bulan sebelumnya. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport jatuh 5.7 peratus selepas merekodkan pertumbuhan kecil 0.2 peratus pada Januari 2024.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pengembangan 8.1 peratus dalam sektor Perlombongan pada Februari 2024 adalah didorong oleh pertumbuhan dua digit 11.9 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Januari 2024: 6.6%) manakala output Minyak Mentah & Kondensat kekal dengan pertumbuhan stabil 2.5 peratus (Januari 2024: 2.6%). Berbanding Januari 2024, indeks Perlombongan merosot 6.9 peratus berbanding positif 3.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Penjanaan Elektrik terus melonjak pada kadar yang lebih pantas 10.9 peratus pada Februari 2024 berbanding 8.3 peratus pada bulan lalu. Sebaliknya, sektor Elektrik menurun 4.5 peratus bulan ke bulan selepas mencatatkan pertumbuhan positif 2.0 peratus pada Januari 2024.

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara lain menunjukkan trend penurunan pada Februari 2024, termasuk Vietnam, Jepun, Thailand, Taiwan dan Amerika Syarikat. Tambahan lagi, Korea Selatan mengalami pertumbuhan sederhana pada Februari 2024, meskipun mengekalkan momentum positif sejak Ogos 2023.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi dua bulan pertama 2024, Ketua Perangkawan berkata, “IPP berkembang 3.7 peratus berbanding 2.4 peratus yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif iaitu indeks Perlombongan (6.5%); indeks Pembuatan (2.5%); dan indeks Elektrik (9.5%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Februari 2023 - Februari 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Februari 2023 - Februari 2024**




Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia Januari 2024 dan Februari 2024




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Februari 2023 - Februari 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Januari 2024 dan Februari 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Januari 2024 dan Februari 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 APRIL 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
FEBRUARY 2024**

The Industrial Production Index grew by 3.1 per cent in February 2024, induced by positive momentum in all sectors

PUTRAJAYA, 8 April 2024 - The Industrial Production Index grew by 3.1 per cent year-on-year in February 2024, induced by positive momentum in all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, February 2024**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI grew modestly by 3.1 per cent in February 2024 after registering an increase of 4.3 per cent in the preceding month. The moderation was primarily attributed to the slower output growth in the Manufacturing sector, which grew by 1.2 per cent as compared to 3.7 per cent in January 2024. Nevertheless, the Mining and Electricity sectors accelerated further by 8.1 per cent (January 2024: 5.0%) and 10.9 per cent (January 2024: 8.3%) respectively. In comparison with the preceding month, the IPI declined by 6.3 per cent, in contrast to the positive 2.0 per cent recorded in the previous month."

The Chief Statistician further commented, "The rise of 1.2 per cent in the Manufacturing output in February 2024 was supported by domestic-oriented industries, which expanded by 3.8 per cent (January 2024: 8.0%). The expansion in domestic-oriented industries was primarily driven by the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment, which registered an increase of 8.4 per cent; followed by the Manufacture of other non-metallic mineral products (5.1%); and the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers, at 2.9 per cent. In comparison with the preceding month, the domestic-oriented industries turned downward to the negative 7.5 per cent as opposed to the increase of 4.9 per cent in January 2024.

In the meantime, the export-oriented industries returned to negative territory with a mild contraction of 0.1 per cent in February 2024 as against the positive growth of 1.6 per cent recorded in the previous month. The contraction was mainly due to the decrease in the Manufacture of vegetable & animal oils & fats (-13.5%); the Manufacture of chemicals & chemical products (-2.8%); and the Manufacture of electrical equipment (-2.2%). This was consistent with the country's export performance, which registered a downturn of negative 0.8 per cent in February 2024 after experiencing positive growth in the preceding month. In a month-on-month comparison, the export-oriented industries slipped by 5.7 per cent after recording a slight growth of 0.2 per cent in January 2024.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, “The expansion of 8.1 per cent in the Mining sector in February 2024 was steered by double-digit growth of 11.9 per cent in Natural Gas production (January 2024: 6.6%) while the Crude Oil & Condensate output remained with a steadfast growth of 2.5 per cent (January 2024: 2.6%). As compared to January 2024, the Mining index decreased by 6.9 per cent as against the positive 3.1 per cent registered in the previous month.”

The generation of Electricity accelerated at a faster pace of 10.9 per cent in February 2024 as compared to 8.3 per cent in the preceding month. On the contrary, the Electricity sector declined by 4.5 per cent month-on-month after marking a positive growth of 2.0 per cent in January 2024.

On a global scale, the IPI for several other countries showed a declining trend in February 2024, including Vietnam, Japan, Thailand, Taiwan, and the United States. Additionally, South Korea experienced moderated growth in February 2024, despite sustaining positive momentum since August 2023.


Concluding his statement on the IPI performance for the first two months of 2024, the Chief Statistician said, “The IPI expanded by 3.7 per cent as compared to 2.4 per cent recorded in the same period of the previous year. During the period, all sectors posted positive growth namely the Mining index (6.5%); Manufacturing index (2.5%); and Electricity index (9.5%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
February 2023 – February 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
February 2023 – February 2024**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia, January 2024 and February 2024







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, February 2023 – February 2024



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
January 2024 and February 2024**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
January 2024 and February 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 APRIL 2024**